



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 9 NOVEMBER 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	TIGA NELAYAN TEMPATAN DICEKUP, NEGERI PULAU PINANG, SH -24 BOT NELAYAN TEMPATAN LANGGAR SYARAT LESEN DITAHAN, NEGARA, KOSMO -18 AKTA PERIKANAN 1985 PERLU DIPINDA, NASIONAL, SH -12	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4. 5.	SUFFICIENT FISH SUPPLY DURING MONSOON, NEWS, MAKKAL OSAI -6 BEKALAN IKAN DIJANGKA BERKURANGAN, NASIONAL, BH -23	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6. 7.	10 MOTOSIKAL UNTUK ASNAF, NEGERI KEDAH, SH -26 RM93,357.70 BANTU USAHAWAN ASNAF, BISNES, HM -23	AGROBANK

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/11/2022	SINAR HARIAN	NEGERI P.PINANG	24

Tiga nelayan tempatan dicekup

GEORGETOWN - Tiga nelayan tempatan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Pulau Pinang selepas disyaki melanggar syarat sah lesen di Pulau Kendi pada pagi Isnin.

Pengarahnya, Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, pihaknya menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C di kedudukan 7.0 batu nautika barat daya Pulau Kendi pada jam 10.15 pagi.

"Ketika Kapal Maritim (KM) Sikuati Maritim Malaysia sedang melakukan rondaan dalam Op Tanjung, kita telah mengesan sebuah bot nelayan kelas C sedang melakukan aktiviti menangkap ikan menggunakan pukut tunda.

"Hasil pemeriksaan mendapati, bot nelayan tempatan kelas C bernombor pendaftaran PKFA 8645 yang berpangkalan di Batu Maung itu dikendalikan tiga warga tempatan termasuk

tekong berusia 49 hingga 61 tahun," katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurut beliau, bot terbabit disyaki telah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan.

"Bot bersama kru, peralatan menangkap ikan serta ikan campur anggaran 30 kilogram (kg) disita dan dibawa ke Jeti Lembaga Ikan Malaysia Batu Maung untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tindakan lanjut," katanya.

Sementara itu, menerusi rutin rondaan Op Pertiwi, Maritim Malaysia Pulau Pinang merampas 30 set bubu naga di dua lokasi di kedudukan 0.8 batu nautika barat daya pantai Teluk Malas, Penaga antara jam 4.40 petang hingga 5.30 petang Ahad.



SEBUAH bot nelayan tempatan kelas C yang disyaki melanggar syarat sah lesen di perairan Pulau Kendi, Pulau Pinang semalam.

Bot nelayan tempatan melanggar syarat lesen ditahan

GEORGE TOWN – Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan sebuah bot nelayan tempatan kelas C yang disyaki melanggar syarat sah lesen ketika menangkap ikan kelmarin.

Pengarah Maritim Negeri, Kepten Maritim Abd. Razak Mohamed berkata, Kapal Maritim (KM) *Sikuati* telah mengesan sebuah bot nelayan dengan menggunakan pukut tunda di kedudukan 12.96 kilometer barat daya Pulau Kendi, kira-kira pukul 10.15 pagi.

"Hasil pemeriksaan mendapati bot nelayan tempatan kelas C yang berpangkalan di Batu Maung itu dikendalikan tiga warga tempatan termasuk tekong yang masing-masing berumur 49 hingga 61 tahun.

"Bot terbabit disyaki telah

melakukan kesalahan di bawah Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat lesen iaitu melakukan aktiviti menangkap ikan di kawasan yang tidak dibenarkan," katanya semalam.

Menurutnya, bot bersama kru, peralatan menangkap ikan serta ikan campur anggaran 30 kilogram disita dan dibawa ke Jeti Lembaga Ikan Malaysia Batu Maung untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

"Maritim Malaysia tidak akan berkompromi terhadap mana-mana pihak yang sengaja melanggar undang-undang persekutuan di Zon Maritim Malaysia demi kedaulatan dan kesejahteraan perairan negara," jelasnya.

Akta Perikanan 1985 perlu dipinda

Golongan nelayan harap calon dipilih dapat bawa permasalahan mereka ke Dewan Rakyat

Oleh **NORAWAZNI YUSOF**
KUANTAN

Nelayan di sini mahu Akta Perikanan 1985 dipinda kerajaan baharu yang dibentuk bagi menyelesaikan pelbagai isu seperti kelas lesen nelayan kecil, bot tempatan menggunakan kru asing dan pencerobohan nelayan asing di perairan negara.

Harapan berkenaan diletakkan oleh nelayan kepada calon-calon yang bertanding pada Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) supaya dapat membawa suara mereka ke Dewan Rakyat sekali gus dapat membela nasib

golongan itu.

Ketua komuniti nelayan Kuantan, Mat Sani Tahir, 62, berkata, sudah tiba masanya dasar dan peraturan baharu dalam akta itu dipinda bagi membolehkan nelayan tempatan mengaut hasil lebih di perairan sendiri.

Tegasnya, bagi mencapai matlamat itu, kerajaan baharu perlu mengehadkan zon penangkapan bot yang menggunakan guna tenaga asing yang memabutkan lesen bot kelas C.

"Sebagai contoh lesen candid sotong, hampir 100 peratus

yang bekerja adalah warga asing," katanya ketika ditemui di Wakaf nelayan Peramu.

Dakwa nelayan, Zakaria Daud, 59, keadaan lebih parah apabila ada bot tempatan yang diusahakan pekerja asing ini mindah hasil tangkapan ke bot negara luar ketika berada di tengah laut untuk dibawa pulang ke negara mereka.

"Kerajaan perlu pinda Akta Perikanan 1985 dengan mewajibkan setiap bot mempunyai warga tempatan ketika menangkap ikan.



ZAKARIA



MANSOR



MAT SANI



Golongan nelayan mengharapkan kerajaan baharu selepas PRU15 dapat meminda Akta Perikanan 1985.

"Apabila ada orang tempatan, nelayan asing ini tidak bebas bertindak dan hasil tangkapan tidak akan dibawa ke luar," katanya.

Mansor Said, 61, yang lebih 30 tahun menjadi nelayan mengharapkan pertambahan intensif musim tengkujuh memandangkan kos sara hidup semakin me-

ningkat.

Selain itu, Mansor meminta agar kelas lesen untuk nelayan kecil dikaji semula dengan membolehkan nama kedua diletakkan dalam syarat perlesenan.

"Jika tiada nama kedua, apabila kami sakit, anak tidak dapat keluar ke laut kerana bimbang dikompaun," luahnya.



Headline	Sufficient fish supply during monsoon		
MediaTitle	Makkai Osai		
Date	09 Nov 2022	Color	Full Color
Section	News	Circulation	28,000
Page No	6	Readership	180,000
Language	Tamil	ArticleSize	124 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 812
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,435



பருவமழைக் காலத்தில் போதுமான அளவில் மீன்கள் கையிருப்பு-அமைச்சு உத்தரவாதம்

பாசீர் பூத்தே, நவ. 9-

நவம்பர் மாத இறுதியில் தொடங்கும் என எதிர்பார்க்கப்படும் கிழக்குக்கரை பருவமழைக் காலத்தில் நாட்டில் மீன்கள் கையிருப்பு போதுமான அளவில் இருக்கும் என்று உத்தரவாதம் அளிக்கப்பட்டிருக்கிறது.

மீன்கள் விநியோகம் எப்போதும் போதுமான அளவில் இருப்பதை உறுதிசெய்ய சில விபூகங்கள் வகுக்கப்பட்டிருக்கின்றன என்று விவசாயம், உணவுத் தொழில்துறை

துணையமைச்சர் டத்தோ டாக்டர் நிக் முகமட் ஜவாவி சாலே தெரிவித்தார்.

இச்சூழ்நிலையில் அண்டை நாட்டில் இருந்தும் மீன்களை இறக்குமதி செய்யவிருக்கின்றோம். மீன்கள் எப்போதும் போதுமான அளவில் கையிருப்பில் இருப்பதை உறுதிசெய்ய இந்நடவடிக்கை உதவும்.

அதுமட்டுமன்றி கோழி இறைச்சி, முட்டைகள், இறைச்சி போன்ற மற்ற உணவுப்பொருட்கள் மீதும் கவனம் செலுத்தப்படும் என்று அவர் விவரித்தார். பாசீர் பூத்தே மாவட்டத் திற்கான கூட்டரசு மேம்பாட்டு நிதி ஒதுக்கீடுகளை வழங்கிய பின் அவர் நிருபர்களிடம் பேசினார்.



Bekalan ikan dijangka berkurangan

Rakyat tak perlu bimbang, LKIM siap sedia hadapi musim tengkujuh

Oleh Baharom Bakar dan Nor Amalina Alias
bhnews@bh.com.my

Kuala Terengganu: Bekalan ikan di negeri ini dijangka berkurangan mulai Disember hingga Mac depan kerana tidak ramai nelayan ke laut pada musim tengkujuh.

Tinjauan ke Pasar Cabang Tiga, di sini, mendapati ada kenaiikan di antara RM5 dan RM10 ikan serta hasil laut lain.

Peniaga ikan, Abdul Rahman Ishak, 56, berkata ikan segar atau lebih dikenali dengan panggilan ikan pukat jerut masih mendapat sambutan pengguna, walaupun harganya lebih tinggi.

Katanya, ada perbezaan kualiti di antara ikan kotak (beku) dengan ikan pukat jerut, tetapi pengguna masih memilih ikan pukat jerut kerana kesegarannya.

Beliiau berkata, ikan pukat jerut segar menjadi pilihan kerana didaratkan pada sebelah pagi, berbanding ikan kotak.

"Bekalan ikan pukat jerut belum terjejas kerana masih ada nelayan turun ke laut," katanya di sini, semalam.

Masih jadi pilihan

Abdul Rahman berkata, ikan pukat jerut yang dibekalkan secara terus nelayan tempatan kepada peniaga lebih mahal, jika dibandingkan dengan ikan kotak.

Sebagai contoh, katanya, ikan selang pukat jerut dijual di antara RM15 dan RM18 sekilogram (kg) berbanding ikan kotak di antara RM8 dan RM12 sekilogram.

Seorang pelanggan, Wan Abdullah Wan Ishak, 59, dari Kampung Wakaf Mempelam, berkata kenaiikan harga ikan dan hidupan laut, walaupun membebankan, namun masih mumasabah berbanding ayam.

"Walaupun ikan dan makanan laut itu ada kenaikan harga, tetapi tetap menjadi pilihan ahli keluarga berbanding ayam serta daging," katanya.

Sementara itu, di Pasir Putih, Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Da-



Wan Abdullah memilih ikan segar di Pasar Cabang Tiga, Kuala Terengganu, semalam. (Foto Baharom Bakar/BH)

tuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh memberi jaminan bekalan ikan ketika musim tengkujuh cukup.

Beliau berkata, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) sudah menyediakan bekalan secukupnya, susulan ramalan

hujan berterusan hujung tahun ini.

Katanya, negara juga akan mengimport ikan bagi memastikan bekalan sentiasa ada.

"Kita juga mempersiapkan bekalan makanan asas lain seperti ayam, telur, daging. Ada beka-

lan dibuat kerajaan. Rakyat tak perlu bimbang.

"Biasanya banjir akan melanda dalam seminggu atau paling cepat dua hari. Selepas itu dah surut balik. Jadi, kerajaan dah siapkan bekalan makanan ini," katanya.



Kita juga mempersiapkan bekalan makanan asas lain seperti ayam, telur, daging. Ada bekalan dibuat kerajaan. Rakyat tak perlu bimbang

Nik Muhammad Zawawi Salleh,
Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/11/2022	SINAR HARIAN	NEGERI KEDAH	26

10 motosikal untuk asnaf

ALOR SETAR – Agrobank dengan kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK) menerusi Program Usahawan Asnaf Motor Roda Tiganya telah menyerahkan 10 buah motosikal roda tiga bernilai RM93,357.70 kepada usahawan asnaf di negeri itu.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program itu merupakan salah satu inisiatif tanggungjawab sosial korporat Agrobank yang bertujuan membantu asnaf terpilih meningkatkan pendapatan mereka melalui perniagaan menggunakan motosikal roda tiga.

“Program ini merupakan salah satu usaha berterusan Agrobank untuk menggalakkan semangat dan membina kemahiran keusahawanan dalam komuniti asnaf di negeri Kedah. Ia juga membuka peluang baharu kepada bakal usahawan daripada golongan asnaf meningkatkan tahap sosioekonomi me-



Aminuddin (kiri) dan Syeikh Zakaria memegang replika kunci pada Majlis Penyerahan FoodMotor yang diadakan di Dewan Dato' Syeikh Mahmood Naim baru-baru ini.

reka dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa berikutan pasca Covid-19,” katanya dalam satu kenyataan.

Tengku Ahmad Badli Shah berkata, melalui program yang berasaskan pembangunan perniagaan usahawan asnaf ini, Agrobank menyasarkan untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan asnaf yang berdikari, proaktif dan berdaya saing.

“Mereka juga terlibat dalam aktiviti ekonomi berasaskan pertanian dan

agromakanan, sekali gus berupaya keluar daripada status asnaf fakir dan miskin,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Amenon bersama Ketua Pegawai Eksekutif LZNK, Datuk Syeikh Zakaria Othman telah menyampaikan motosikal tiga roda kepada asnaf pada Majlis Penyerahan FoodMotor di Dewan Dato' Syeikh Mahmood Naim, di sini baru-baru ini.

RM93,357.70 bantu usahawan asnaf

Kuala Lumpur: Agrobank dengan kerjasama Lembaga Zakat Negeri Kedah menerusi Program Usahawan Asnaf Motor Roda Tiga menyeraikan 10 motor roda tiga bernilai RM93,357.70 kepada usahawan asnaf di Majlis Penyerahan FoodMotor.

Program Usahawan Asnaf Motor Roda Tiga ini adalah antara inisiatif tanggungjawab sosial korporat Agro-

bank yang bertujuan untuk membantu asnaf yang terpilih meningkatkan pendapatan mereka melalui perniagaan menggunakan motor roda tiga.

Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Tengku Ahmad Badli Shah Raja Hussin berkata, program itu antara usaha berterusan Agrobank untuk menggalakkan semangat dan membina ke-

mahiran keusahawanan dalam komuniti asnaf di Kedah.

"Ia bagi membuka peluang baharu kepada bakal usahawan daripada golongan asnaf dan juga meningkatkan tahap sosio ekonomi mereka dalam menghadapi cabaran ekonomi semasa pasca-Covid-19.

"Melalui program yang berasaskan pembangunan per-

niagaan usahawan asnaf ini, Agrobank menyasarkan untuk melahirkan lebih ramai lagi usahawan asnaf yang berdaya, proaktif dan berdaya saing untuk turut sama terlibat dalam aktiviti ekonomi berasaskan pertanian dan agromakanan, sekaligus berupaya keluar daripada status asnaf fakir dan miskin," katanya dalam kenyataan.



KETUA Pegawai Pembangunan Agrobank, Aminuddin Annon (kiri) bersama Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Negeri Kedah (LZNK), Danik Syeikh Zakaria Othman (kanan).